

SPM 2020: Pencapaian terbaik dalam tempoh lima tahun

# 9,411 calon dapat semua A

UTUSAN MALAYSIA (11/06/2021) M15 05

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM dan JUANI MUNIR ABU BAKAR  
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2020 merekodkan pencapaian terbaik dalam tempoh lima tahun walaupun pelaksanaan peperiksaan itu berlangsung dalam tempoh mencabar ketika pandemik Covid-19.

Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr. Radzi Jidin berkata, prestasi peperiksaan itu menunjukkan peningkatan berdasarkan indeks gred purata nasional (GPN) dengan nilai 4.80 berbanding 4.86 pada 2019 iaitu perbezaan sebanyak 0.06 yang mana nilai GPN lebih kecil menggambarkan pencapaian calon lebih baik.

Menurut beliau, seramai 401,105 calon mendaftar peperiksaan SPM 2020 berbanding 416,416 calon pada 2019 iaitu pengurangan seramai 15,311 calon.

Jelas beliau, dalam tempoh lima tahun, nilai GPN pada 2016 merekodkan

nilai 5.05; 2017 (GPN 4.90); 2018 (GPN 4.89); 2019 (GPN 4.86) dan 2020 (GPN 4.80) yang mana pencapaian calon merujuk kepada sejauh mana calon menguasai pembelajaran dalam semua mata pelajaran yang diuji.

"Pencapaian calon di luar bandar

menunjukkan peningkatan lebih tinggi berbanding calon di bandar. Hal ini menyebabkan jurang pencapaian antara bandar dan luar bandar mengecil kepada 0.38 pada tahun 2020 berbanding 0.44 (2019)," katanya dalam sidang akhbar khas keputusan SPM 2020, semalam.

Dalam laporan analisis keputusan SPM 2020, seramai 381,804 calon yang menduduki peperiksaan berbanding 401,405 calon berdaftar dengan sejumlah 9,411 calon mendapat semua A dalam semua mata pelajaran berbanding 8,876 calon dapat semua A pada 2019.

Bagaimanapun seramai 4,416 calon mendapat semua G dalam semua mata pelajaran berbanding 4,321 calon mendapat semua G pada

2019.

Bagi syarat pensijilan SPM yang mula dilaksanakan pada 2013 yang menetapkan calon sekurang-kurangnya lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah, pada 2020 peratus calon yang layak menerima sijil SPM meningkat sebanyak 1.96 peratus iaitu 88.68 peratus (338,659 calon) berbanding 86.72 peratus (337,773 calon) pada 2019.

Seramai 1,435 calon berkeperluan khas (CBK) menduduki peperiksaan SPM 2020 dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 68.22 peratus CBK layak dianugerahkan sijil SPM berbanding 61.34 peratus pada 2019 iaitu meningkat sebanyak 6.88 peratus.

Sebanyak 43 mata pelajaran mencatatkan peningkatan prestasi

manakala 39 mata pelajaran mencatatkan penurunan dan satu mata pelajaran kekal daripada keseluruhan 83 mata pelajaran yang ditawarkan.

Bagi mata pelajaran teras, Sejarah, Sains, Matematik, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral menunjukkan peningkatan, namun mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris pula menurun.

Pada tahun ini, keupayaan calon SPM 2020 menjawab soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merekodkan pencapaian baik walaupun peratusan soalan KBAT dalam kertas peperiksaan meningkat sehingga 50 peratus dengan secara keseluruhan 88.17 peratus calon menguasai tahap minimum KBAT berbanding 86.7 peratus calon pada 2019.



DR. RADZI JIDIN

## SPM 2020

Jumlah calon berdaftar: **401,405**

Calon duduki peperiksaan: **381,804**

Calon tidak hadir: **19,601**

Nilai GPN: **4.80** (terbaik tempoh 5 tahun)

- Calon dapat semua A : **9,411**
- Calon dapat semua G : **4,416 calon**
- Calon sekurang-kurangnya gred kepujian : **78,731**
- Calon sekurang-kurangnya gred lulus : **146,447**
- Calon sekurang-kurangnya gagal 1 mata pelajaran: **121,496**
- Calon dapat lain-lain kombinasi gred : **21,395**

Jurang pencapaian calon bandar, luar bandar	Layak dapat sijil	Calon berkeperluan khas layak dapat sijil	Calon menguasai tahap minimum KBAT
<b>0.38%</b>	<b>88.68%</b> (338,659 calon)	<b>68.22%</b>	<b>88.17%</b>

83 mata pelajaran keseluruhan: **43 mata pelajaran prestasi meningkat, 39 mata pelajaran prestasi menurun, 1 mata pelajaran kekal**

Pusat peperiksaan: **3,310** | Petugas peperiksaan: **48,014** | Pemeriksa: **24,848**